

21/06/1998

Sukar sekat tafsiran: Zahid

KETUA Pergerakan Pemuda, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, berkata beliau tidak mampu untuk menyekat pelbagai tafsiran mengenai saranannya supaya anak Perdana Menteri, Mokhzani Mahathir, digunakan sebagai jambatan menghubungkan pergerakan itu dengan Presiden.

"Saya nak buat macam mana, ini bukan mulut tempayan. Dalam hal ini kita bersikap terbuka kerana Pemuda ikhlas, tetapi tafsirannya boleh dibuat dalam pelbagai bentuk.

"Kita istiqamah dan merasakan sesuatu yang baik itu harus datang daripada niat yang ikhlas dan keikhlasan itu jangan disalahtafsirkan," katanya ketika ditemui wartawan di luar dewan Perhimpunan Agung, semalam.

Kelmarin, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapannya berkata, tindakan Zahid menjadikan Mokhzani sebagai `jambatan' antara Pemuda Umno dan beliau, boleh disalahtafsirkan oleh orang sebagai nepotisme.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan terdahulu Zahid, ketika berucap di Perhimpunan Agung Pemuda, Khamis lalu.

Mengulas lanjut, Zahid berkata beliau hanya memberi penekanan semula kerana selama ini Mokhzani memang sudah memainkan peranan penting dalam menghubungkan Pemuda Umno dan Perdana Menteri.

"Saya hanya memberi penekanan semula, Mokhzani memang sudah memainkan peranan dan berjaya dalam usaha beliau.

"Mokhzani bukan sekadar mewakili Pergerakan kita, tetapi (kami fikir) adalah lebih baik jika ada saluran yang tidak rasmi (untuk berurusan dengan Presiden) dan kita menghargai peranan yang telah dimainkan Mokhzani," katanya.

Mengenai penjelasan Dr Mahathir berhubung isu nepotisme dan kronisme ketika berucap kelmarin, Zahir berkata Pergerakan Pemuda menghayatinya dengan penuh teliti.

(END)